

NAMA: TINGKATAN:

MODUL PENINGKATAN PRESTASI MURID TINGKATAN 5 TAHUN 2024

PRINSIP PERAKAUNAN

KERTAS 2

DUA JAM TIGA PULUH MINIT

JANGAN BUKA MODUL INI SEHINGGA DIBERITAHU

ARAHAN

1. Modul ini mengandungi **dua** bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
2. Jawab **semua** soalan di **Bahagian A** dan **dua** soalan di **Bahagian B**.
3. Jawapan hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan.
4. Buku jawapan hendaklah diserahkan pada akhir peperiksaan.

Modul ini mengandungi **13** halaman bercetak



Bahagian A**[60 markah]****Jawab semua soalan**

- 1 (a) Pada 1 Januari 2021, Encik Aizat telah membeli sebuah lori terpakai RM98 000 untuk kegunaan perniagaan. Pada 31 Disember 2023, harga pasaran lori terpakai adalah RM87 000.

Nyatakan amaun yang dicatat dalam penyata kewangan dan prinsip perakaunan yang dipatuhi oleh perniagaan tersebut. **[2 markah]**

- (b) Berikut adalah urus niaga bagi perniagaan Kedai Perabot Fuzuu.

Beli mesin pencetak secara tunai daripada Kedai Gadget Marhim.

Nyatakan akaun yang didebitkan dan dikreditkan bagi urus niaga berikut.

[2 markah]

- (c) Berikut adalah petikan Imbangan Duga Perniagaan Sakura pada 31 Mei 2024.

Butiran	Debit RM	Kredit RM
Akaun Belum Terima	40 300	
Peruntukan hutang ragu		1 300

Maklumat tambahan:

Peruntukan hutang ragu diselaraskan 5% atas Akaun Belum Terima.

Hitung nilai peruntukan hutang ragu yang dicatat dalam:

- (i) Penyata Pendapatan

[1 markah]

- (ii) Penyata Kedudukan Kewangan

[1 markah]

- (d) Nyatakan **dua** kelebihan perubahan entiti milikan tunggal kepada perniagaan perkongsian. [2 markah]

- (e) Maklumat berikut diperoleh daripada Syarikat Rona Jaya Berhad.

- Modal berbayar pada 31 Januari 2024 terdiri daripada 300 000 unit 6% Syer Keutamaan bernilai RM2 sesyer.
- Pada 1 Ogos 2024, syarikat telah memutuskan untuk membayar dividen kepada pemegang Syer Keutamaan.
- Tempoh perakaunan syarikat berakhir 31 Disember setiap tahun.

Hitung dividen interim.

[2 markah]

Gedung	Debit RM	Kredit RM
Akuan Belum Terima	40 300	
Peruntukan bulang ragu		1 300

- 2 Encik Taufiq adalah pemilik Kedai Runcit Taufiq yang beroperasi di Guar Chempedak, Kedah. Berikut adalah baki-baki akaun yang diperolehi daripada buku perniagaannya pada 30 April 2024.

Kedai Runcit Taufiq
Imbangan Duga pada 30 April 2024

	Debit RM	Kredit RM
Modal pada 1 Mei 2023		52 239
Lengkapan (kos)	24 500	
Kenderaan (kos)	50 000	
Inventori pada 1 Mei 2023	18 900	
Ambilan	453	
Pinjaman 8%		25 500
Bank	14 535	
Tunai	450	
Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar	13 300	19 600
Susut nilai terkumpul lengkapan		7 350
Susut nilai terkumpul kenderaan		9 500
Peruntukan hutang ragu		330
Belian dan Jualan	89 760	134 544
Pulangan	430	500
Upah dan gaji	16 200	
Belanja am	3 800	
Diskaun	120	325
Utiliti	3 840	
Sewa	9 600	
Faedah atas pinjaman	1 600	
Insurans	2 400	
	249 888	249 888

Maklumat tambahan:

- (i) Inventori pada 30 April 2024 dinilai RM26 890 pada harga kos dan RM29 890 pada harga pasaran.
- (ii) Sekeping cek yang diterima daripada pelanggan RM1 470 telah dipulangkan oleh bank dengan bertanda "Rujuk Penyuruh Bayar".
- (iii) Peruntukan hutang ragu berkurang sebanyak RM125.
- (iv) Aset Bukan Semasa disusutnilaikan seperti berikut:

Aset Bukan Semasa	Kadar	Kaedah
Lengkapan	15%	Garis lurus
Kenderaan	10%	Baki berkurangan

- (vi) Pinjaman 8% sebanyak RM30 000 telah diperolehi pada 1 Ogos 2023 dengan tempoh bayaran balik selama lima tahun.
- (vii) Perkara berikut **belum direkodkan** dalam mana-mana buku:
 - Separuh daripada jualan tunai RM2 400 telah digunakan untuk membayar sewa kediaman. Bakiya digunakan untuk membeli inventori perniagaan.
 - Pemilik menjelaskan utiliti RM550 termasuk utiliti kediaman RM210 dengan menggunakan wang peribadinya.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 April 2024. [12 markah]
- (b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 April 2024. [13 markah]

- 3 Butiran berikut diperoleh daripada buku-buku perakaunan Kilang Batik Skrin Mewah pada 30 Jun 2024.

	1 Julai 2023	30 Jun 2024
	RM	RM
Inventori bahan langsung	23 000	25 080
Inventori barang siap	10 000	5 600
Inventori alat-alat kecil	1 520	960
Inventori alat tulis kilang	1 280	650
Kerja dalam proses	22 600	17 700

Maklumat berikut berlaku sepanjang tahun berakhir 30 Jun 2024.

	RM
- Belian bahan langsung	91 800
Angkutan masuk bahan langsung	2 100
Angkutan keluar	2 500
Pulangan bahan langsung	1 200
Jualan barang siap	493 960
Pulangan barang siap	2 400
Belian alat-alat kecil	610
Paten produk	5 000
Upah langsung	72 000
Upah tak langsung	45 600
Sewa	18 000
Insurans	9 600
Utiliti	15 200
Mesin cetak batik	90 000
Susut nilai terkumpul mesin cetak batik	17 100
Lengkapan	30 000
Susut nilai terkumpul lengkapan	9 000
Belanja penyelenggaraan mesin	19 850
Gas dan bahan api kilang	6 400

Maklumat tambahan:

- (i) Elaun lebih masa untuk 10 orang buruh langsung terlupa direkodkan. Kilang menetapkan bayaran lebih masa RM9.00 sejam dan waktu bekerja selama 16 jam bagi setiap seorang.
- (ii) Belanja penyelenggaraan mesin termasuk belian mesin cetak baharu RM11 000 yang dibeli pada 1 Januari 2024.
- (ii) Kos angkutan bahan langsung RM900 terlupa direkodkan.
- (iii) Sewa dibayar setiap suku tahun RM6 000 dan berakhir pada 31 Julai 2024.
- (iv) Belian alat tulis kilang RM1 400.
- (v) Susut nilai mesin cetak batik ialah 10% mengikut kaedah baki berkurangan. Susut nilai dikira penuh setahun pada tahun pembelian.
- (vi) Susut nilai lengkapan 15% setahun mengikut kaedah ansuran tetap.
- (vii) Agihan perbelanjaan adalah seperti berikut:

	Kilang	Pejabat
Sewa	70%	30%
Insurans	80%	20%
Utiliti	75%	25%
Susut nilai lengkapan	40%	60%

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 30 Jun 2024. [20 markah]
- (b) Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 30 Jun 2024. [5 markah]

Bahagian B**[40 markah]***Jawab dua soalan daripada bahagian ini*

- 4 (a) Maklumat berikut diambil daripada buku Perniagaan Permata Biru bagi tahun berakhir 31 Julai 2024.

	1 Ogos 2023	31 Julai 2024
	RM	RM
Inventori	36 000	22 000
Modal	410 000	
Jualan		520 000
Kos jualan		324 000
Jumlah hasil operasi		2 500
Jumlah belanja operasi		12 400
Bank		80 000
Simpanan tetap		20 000
Akaun Belum Terima		43 000
Akaun Belum Bayar		28 000
Tunai		2 500

Anda dikehendaki menghitung:

- | | |
|-----------------------------------|------------|
| (i) Untung kasar | [2 markah] |
| (ii) Untung bersih | [2 markah] |
| (iii) Pulangan atas modal | [2 markah] |
| (iv) Kadar pusing ganti inventori | [2 markah] |
| (v) Nisbah semasa | [2 markah] |

(b) Kesilapan berikut telah dikesan berlaku dalam buku perniagaan Larizz Trading.

(i) Hutang lapuk terpulih RM250 telah tersalah rekod dalam Akaun Jualan.

(ii) Pulangan barang niaga kepada pembekal RM300 telah didebitkan dalam Akaun Pulangan Keluar dan dikreditkan dalam Akaun Belum Bayar.

(iii) Perabot terpakai yang bernilai RM12 000 telah dijual dengan harga RM10 000. 50% daripada hasil tersebut telah digunakan untuk membeli barang niaga dan bakinya telah dibankkan. Perkara ini belum direkodkan dalam mana-mana buku.

(iv) Kos penyelenggaraan kenderaan yang bernilai RM1 500 telah didebitkan dalam Akaun Kenderaan.

Anda dikehendaki menyediakan Jurnal Am bagi membetulkan kesilapan tersebut.

(Keterangan tidak diperlukan)

[10 markah]

- 5 Nadira adalah pemilik Kedai Seri Anggun di Alor Setar. Beliau menyimpan Buku Tunai Runcit dengan nilai panjar berjumlah RM250.

Urus niaga berikut diambil daripada buku perniagaannya.

Tarikh	Butiran	RM
2024		
Julai 31	Tunai di tangan	1 800
	Tunai di bank	5 218
	Tunai runcit	75
Ogos 1	Rekupmen dengan cek (No. 322349)	?
7	Bayaran untuk setem dan sampul surat	75
8	Bayaran kepada Perniagaan Naim dengan cek (No. 322350)	1 535
12	Jualan tunai dibankkan	2 403
13	Belian dengan cek (No. 322351)	2 500
15	Terima cek daripada Zaman Enterprise	1 843
16	Jualan tunai	1 260
18	Bayaran untuk katrij pencetak	51
21	Bayaran untuk bungkusan pos	20
25	Bayaran untuk upah mencuci pejabat	50
30	Bayaran untuk gaji pekerja dengan cek (No. 322352) bagi bulan Ogos	2 000

Berikut adalah Penyata Bank bagi bulan Ogos 2024 yang telah diterima oleh Kedai Seri Anggun.

PENYATA BANK Bank Raya Lot 123 Lebuhraya Sultanah Bahiyah, 05350 Alor Setar, Kedah.				
Kedai Seri Anggun			Tarikh : 31 Ogos 2024	
			No Akaun : 235476298761	
Tarikh	Butiran	Debit	Kredit	Baki
2024		RM	RM	RM
Ogos 1	Baki			5 418
1	Cek No. 322349	175		5 243
7	Cek No. 322347	200		5 043
10	Cek No. 322350	1 353		3 690
13	Cek No. 322351	2 500		1 190
14	Deposit		2 403	3 593
30	Komisen - pindahan kredit		400	3 993

Maklumat tambahan:

Cek bertarikh 15 Ogos 2024 dipulangkan oleh pihak bank dengan tanda " Rujuk Penyuruh Bayar ".

Anda dikehendaki menyediakan:

- Buku Tunai Runcit bagi bulan Ogos 2024 dengan menunjukkan analisis pembayaran alat tulis, belanja pos dan belanja pejabat. Tunjukkan baki dan rekupmen pada 1 September 2024. [7 markah]
- Buku Tunai (ruangan bank). [7 markah]
- Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Ogos 2024 tanpa mengemas kini Buku Tunai. [6 markah]

- 6 (a) Puan Khadejah menjalankan perniagaan Kedai Runcit Deja di Sungai Petani, Kedah.
Namun, beliau tidak menyimpan rekod perakaunannya dengan lengkap.

Berikut ialah maklumat yang diperoleh daripada buku perniagaannya.

	1 Mei 2023	30 April 2024
	RM	RM
Premis	185 000	185 000
Lengkapan (nilai buku)	7 600	?
Akaun Belum Terima	1 400	2 600
Inventori	10 300	13 100
Utiliti prabayar	40	120
Akaun Belum Bayar	4 300	3 400
Bank	2 750	420 (kt)

Maklumat tambahan:

- Pada 1 Januari 2024, pemilik telah menggunakan tunai peribadi untuk membeliengkapan kedai bernilai RM2 400. Lengkapan disusutnilaikan pada kadar 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.
- Seorang pelanggan telah menghilangkan diri dan hutangnya berjumlah RM400 dihapuskan.
- Peruntukan hutang ragu diwujudkan pada kadar 2% atas Akaun Belum Terima bersih.
- Pemilik membuat ambilan barang niaga untuk kegunaan sendiri bernilai RM100 setiap bulan.

Anda dikehendaki menyediakan:

- Penyata Mengira Modal pada 30 April 2024. [6 markah]
- Penyata Mengira Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 April 2024. [5 markah]

TAMAT JUDOM

- (b) Perusahaan Kerepek Umie beroperasi di Bakar Arang, Kedah. Kilang ini mengeluarkan pelbagai jenis kerepek yang dijual dengan harga RM15.00 sebungkus.

Kos yang terlibat dalam pengeluaran kerepek tersebut adalah seperti berikut:

	RM
Sewa bangunan kilang	18 000
Kos tetap lain	2 000
Kos berubah seunit	7.00

Anda dikehendaki:

- (i) menghitung:
 1. Margin Caruman Seunit [1 markah]
 2. Titik Pulang Modal [2 markah]
- (ii) melakarkan graf Titik Pulang Modal. [6 markah]

MODUL TAMAT